

## Faktor Dorongan Persambungan *Sanad* Kitab Hadis Dalam Pengajian *Talaqqi Bersanad* (TB) Di Malaysia

Farhah Zaidar Mohamed Ramli.<sup>a\*</sup> Latifah Abdul Majid.<sup>b</sup> Mohd Arif Nazri.<sup>c</sup>

<sup>a</sup> Jabatan al-Quran dan al-Sunnah

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

<sup>b,c</sup> Jabatan al-Quran dan al-Sunnah

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

\*Corresponding author: farhahzaidar@kuis.edu.my No.Tel: 010-5148069

### Article history

Received:dd/mm/yy

Received in revised form: dd/mm/yy

Accepted: dd/mm/yy

### Abstract

*Talaqqi with Sanad* (TB) is one of the teaching approach Islamic tradition, in which it is conducted directly in front of the *al-musnid* (teacher). It is practiced through a combination of *al-sama'*, *al-qira'ah* and *al-ijazah* methods. These three methods are adapted until now in narrating the compilation of hadiths of the Prophet S.A.W from various books (*kitab*) with no exception a compilation of hadith from great books like *Sahih al-Bukhari*. The major implication of TB application is the continuation of *sanad* genealogy between the teachers and the students until it reaches to the compilers of the book of hadiths. The summit of the genealogy of the book will link back to the source of hadiths that is from the Prophet S.A.W. TB phenomenon was also recorded systematically by the figures of hadiths as the *al-musnid* in the works known as *al-thabat* beginning in the sixth century until the fifteenth century Hijri. However in Malaysia, TB tradition is very little known and rarely practiced. Even so, the qualitative analysis derived from the documents and interviews shows that the phenomenon of sanad continuation through TB in Malaysia still continues to be applied by the local *al-musnid* teachers based on four motivating factors, namely the preservation of *sanad* genealogy, chain affiliation ties of *sanad* with the Prophet S.A.W as well as his heir, the exemplary tradition of expert knowledge and the care of *sanad* 'ālī. All of these encouragements also show the importance of the function of *sanad* to the book of hadith nowadays, in which its sustainability should be continued through the application of TB.

**Keywords:** Factors Encouragement, *Sanad* Continuation, Book of Hadith, *Talaqqi with Sanad* (TB), Malaysia.

### Abstrak

*Talaqqi Bersanad* (TB) adalah pendekatan berkonseptan pengajian ilmu yang dibuat secara langsung di hadapan guru *al-musnid*. Ia dipraktikkan menerusi kombinasi metode *al-sama'*, *al-qirā'ah* serta *al-ijāzah*. Ketiga-tiga metode masih diadaptasikan sehingga kini bagi meriwayatkan hadis-hadis Rasulullah S.A.W yang sudah dibukukan tidak terkecuali terhadap kitab-kitab hadis induk seperti *Sahih al-Bukhari*. Implikasi utama aplikasi TB ialah persambungan salasilah *sanad* antara guru dengan murid sehingga sampai kepada penyusun kitab hadis. Kemuncak salasilah *sanad* kepada kitab hadis ini akan bertaut kembali kepada sumber hadis iaitu Rasulullah S.A.W. Fenomena TB ini turut direkodkan secara sistematis oleh tokoh hadis selaku *al-musnid* dalam karya yang dikenali sebagai *al-thabat* khususnya bermula pada kurun keenam sehingga kurun kelima belas Hijrah. Namun di Malaysia tradisi TB tidak begitu dikenali malah jarang dipraktikkan. Meskipun begitu, analisis kualitatif bersumberkan dokumen dan temubual menunjukkan fenomena persambungan *sanad* menerusi TB di Malaysia masih berterusan diaplikasikan oleh guru *al-musnid* tempatan berdasarkan empat faktor dorongan iaitu pengekalan salasilah *sanad*, ikatan pertalian *sanad* dengan Rasulullah S.A.W serta pewarisnya, teladan tradisi ahli ilmu dan penjagaan *sanad* 'ālī. Kesemua dorongan ini turut menunjukkan kepentingan fungsi *sanad* kepada kitab hadis pada masa kini yang perlu diteruskan kelangsungannya menerusi aplikasi TB.

**Kata kunci:** Faktor Dorongan, Persambungan *Sanad*, Kitab Hadis, *Talaqqi Bersanad* (TB), Malaysia.

## **1.0 PENGENALAN**

<sup>c</sup>Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (1992) menjelaskan bahawa kemunculan era pembukuan kitab-kitab hadis serta faktor berlalunya zaman menyebabkan situasi pendengaran hadis berganjak kepada pendengaran kitab hadis terus daripada penyusunnya atau pendengaran daripada individu yang pernah mendengar daripada penyusunnya. Proses ini menurut beliau membawa implikasi persambungan *sanad* kepada penyusun kitab yang seterusnya secara tidak langsung menyampaikan *sanad* tersebut kepada Rasulullah S.A.W. Oleh yang demikian, praktis ini dapat menyempurnakan ikatan pertautan *sanad* antara mereka dengan baginda S.A.W. Fenomena ini kemudiannya diperkenalkan oleh beliau sebagai pengajian berkonsepkan *Talaqqi bersanad* (TB). Sementara itu, fenomena TB turut dikenal pasti telah direkodkan secara sistematik oleh tokoh hadis selaku guru *al-musnid* dalam karya yang dikenali sebagai *al-thabat* khususnya bermula pada kurun keenam sehingga kurun kelima belas Hijrah. Namun di Malaysia tradisi TB tidak begitu dikenali malah jarang dipraktikkan.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor dorongan persambungan *sanad* kitab hadis dalam pengajian *Talaqqi bersanad* (TB) di Malaysia. Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Ini adalah kerana menurut Marohaini (2004), kajian kes kualitatif lebih sesuai digunakan untuk menghurai dan menjelaskan subjek kajian dengan lebih dekat dan mendalam. Reka bentuk ini juga menurut Merriam (1998) dapat menghasilkan banyak data deskriptif bagi mencapai objektif kajian yang digariskan. Instrumen utama pengumpulan data kajian ialah melalui analisis dokumen dan temu bual.

Dapatan analisis kualitatif bersumberkan dokumen dan temubual kajian menunjukkan fenomena TB di Malaysia masih diaplikasikan oleh tiga orang guru *al-musnid* tempatan berdasarkan empat faktor dorongan iaitu pengekalan salasilah *sanad*, ikatan pertalian *sanad* dengan Rasulullah S.A.W serta pewarisnya, teladan tradisi ahli ilmu dan penjagaan *sanad* *‘ālī*. Tiga orang guru *al-musnid* tempatan tersebut merupakan partisipan yang dikodkan dengan akronim SMF, MH dan MM.

Kajian mengiktiraf tiga partisipan tersebut sebagai pakar dan mempunyai pengalaman yang spesifik dengan subjek kajian yang telah digariskan. Mereka terpilih secara persampelan bertujuan iaitu menepati tiga kriteria kajian. Kriteria tersebut adalah profil partisipan sebagai *al-mujiz* seperti yang tertera dalam dokumen sijil *sanad Sahih al-Bukhari* yang dikeluarkan, berpengalaman mempelajari *Sahih al-Bukhari* sehingga khatam berdasarkan adaptasi metode TB dan berperanan mengaplikasikan semula pengajian *Sahih al-Bukhari* tersebut menerusi metode yang sama. Justeru kajian berpendapat ketiga-tiga partisipan mempunyai maklumat yang kaya berkaitan dengan permasalahan yang ingin diteroka (Farhah Zaidar 2014).

## **2.0 PENGEKALAN SALASILAH SANAD**

Pengekalan salasilah *sanad* agar bersambungan tanpa putus di antara generasi demi generasi merupakan faktor yang mendorong SMF (2012), MH (2012) dan MM (2012) merealisasikan persambungan *sanad* menerusi aplikasi TB. Partisipan berpendapat pengekalan salasilah *sanad* patut dipertanggungjawabkan ke atas umat Muhammad S.A.W supaya keistimewaan khusus tersebut terus terpelihara. Justeru, TB wajar dipraktikkan sekalipun pada zaman ini bagi menjaga maruah umat Islam daripada perspektif *sanad* yang terus kekal bersambungan hingga kini. Ketiga-tiga partisipan berpandangan pengekalan salasilah *sanad* merupakan sesuatu yang istimewa sejarah dengan fungsi *sanad* yang sinonim dengan umat Nabi Muhammad S.A.W. Contohnya al-Quran dan hadis telah diriwayatkan atau disampaikan menerusi *sanad*.

Manakala umat-umat lain seperti Nasrani dan Yahudi diketahui tidak mempunyai *sanad*. Kaum Nasrani dan kaum Yahudi adalah dibuktikan oleh beberapa penyelidik sebagai tidak memiliki *sanad* yang bersambung tanpa putus sehingga kepada Nabi Musa a.s. atau Nabi Isa a.s. Antara penyelidik tersebut ialah tokoh dalam kalangan bangsa Yahudi sendiri iaitu Baruch Spinoza dalam bukunya

*Tractatus Theologico-Politus* sebagaimana yang dinukilkhan oleh al-Sharqawi (2000). Selain itu, antara penyelidik dalam kalangan orang Islam pula ialah al-‘Azami (2005) dalam bukunya *Sejarah Teks al-Quran dari Wahyu Sampai Kompilasi: Kajian Perbandingan dengan Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru* dan Maurice Bucaile (t.th.) dalam bukunya *al-Tawrah wa al-Anajil wa al-Qur'an al-Karim bi Miqdas al-'Ilm al-Hadith*.

Ketiga-tiga penyelidik ini mengemukakan pelbagai bukti ketidaaan *sanad* yang bersambung serta boleh dipercayai bagi menentukan Taurat dan Injil masa kini adalah asli sebagaimana yang telah diturunkan kepada Nabi Musa a.s. dan Nabi Isa a.s. Hal ini tidak begitu menghairankan kerana al-Quran terlebih dahulu telah mengisyaratkan penyelewengan ini. Antaranya dalam surah al-Baqarah 2:146, Al Imran 3:78, al-Nisa' 4:46, al-Maidah 5:41, al-Taubah 9:31 dan lain-lain lagi. Kesimpulannya, kaum Nasrani dan kaum Yahudi lebih dikenali sebagai umat yang tidak mengambil berat terhadap aplikasi *sanad* sebagai mekanisme memelihara dan menjamin keaslian kandungan Taurat mahupun Injil, seperti yang telah diwariskan oleh Nabi Musa a.s. dan Nabi Isa a.s. kepada mereka. Justeru keistimewaan *sanad* dalam kalangan umat Islam yang kekal bersambungan patut diusahakan kelangsungannya menerusi aplikasi TB.

Seterusnya, partisipan menyandarkan ketetapan sanad sebagai keistimewaan khusus umat Islam berdasarkan pandangan al-Qastallani (SMF 2012) dan al-‘Ashiq Ilahi (MH 2012). Al-Qastallani (1991) menerusi Mawahib al-Laduniyyah menyenaraikan 20 kelebihan khusus yang dimiliki oleh umat Muhammad S.A.W. Salah satunya ialah sanad. Terdapat tiga pandangan ulama yang dikemukakan oleh al-Qastallani (1991) bagi menjelaskan perkara ini. Antaranya ialah komentar daripada Muhammad bin Hatim bin al-Mazfar:

*Sesungguhnya Allah telah memuliakan umat ini dan melebihkannya dengan isnād. Tidak seorang pun dari umat umat-umat terdahulu dan yang akan datang diberikan isnād. Sesungguhnya hanya suhuf sahaja yang berada dalam tangan mereka, tetapi kitab-kitab mereka telah bercampur dengan khabar-khabar mereka. Mereka tidak dapat membezakan di antara kitab Taurat dan Injil yang diturunkan, dan di antara cerita-cerita yang masuk ke dalam kitab mereka yang diambil oleh orang-orang yang tidak dipercaya (al-Qastallāni 1991).*

Manakala al-‘Āshiq Ilāhī (1988) menerusi kitabnya *al-‘Anāqid al-Ghālīyyah* menegaskan bahawa *sanad* merupakan satu nikmat yang besar yang dianugerahkan oleh Allah khusus untuk umat Muhammad S.A.W. Kenyataan ini sebenarnya merupakan komentar oleh Shaykh ‘Abd al-Ḥāfiẓ al-Makkī. Ianya merupakan kata-kata mukadimah beliau bagi kitab *al-‘Anāqid al-Ghālīyyah*. Menurut Shaykh ‘Abd al-Ḥāfiẓ al-Makkī, ketinggian nilai *sanad* boleh dikenal pasti menerusi aplikasinya yang berfungsi sebagai mekanisme penyambungan *sanad* sehingga sampai kepada Rasulullah S.A.W. Justeru para ulama mengambil berat tentang *sanad* sehingga kepada tahap membukukan *sanad* mereka dan juga para guru. Dengan itu, salasilah *sanad* tersebut masih kekal sehingga boleh disusurgalurkan kembali. Komentar ini bukan lagi persepsi tetapi bertepatan dengan realiti kandungan kitab *al-‘Anāqid al-Ghālīyyah*. Kitab ini dapat memaparkan susur galur *sanad* ilmuwan India sehingga sampai kepada penyusun *al-kutub al-sittah*. Titik pertemuan kepada salasilah kitab-kitab tersebut secara langsung dapat mempertautkan ikatan *sanad* mereka sehingga sampai kepada sumber penyampai mutlak hadis iaitu Rasulullah S.A.W.

Selain itu, partisipan (SMF 2012, MH 2012, MM 2012) juga mengemukakan empat kata-kata ulama sebagai mewakili contoh keistimewaan dan kepentingan *sanad*. Kata-kata tersebut adalah seperti berikut: Muḥammad bin Sirīn menyatakan: “*Sesungguhnya ilmu (hadis) adalah sebahagian daripada agama. Maka perhatikanlah daripada siapa kamu mengambil agama kamu*” (al-Nawāwi 2003). Sufyān al-Thawrī menyatakan: “*Isnād adalah senjata orang mukmin. Apabila tiada bersamanya senjata maka dengan apakah ia akan berperang*” (al-Laknāwī 1994). ‘Abd Ḥāfiẓ ibn Mubārak menyatakan: “*Isnād adalah daripada agama. Sekiranya tiada isnād, maka sesiapa sahaja akan berkata apa sahaja yang dia kehendaki*” (al-Nawāwi 2003). Imam al-Shāfi‘ī menyatakan:

“Perumpamaan seseorang yang belajar hadis tanpa isnād adalah seperti seseorang yang mencari kayu api di waktu malam” (al-Laknāwī 1994).

Komentar para ulama di atas adalah sejajar dengan fungsi sanad pada zaman mereka yang dikenali sebagai zaman riwayat. Pada era tersebut, sanad adalah penting sebagai sandaran pengenalpastian kesahihan sesuatu riwayat. Namun pada kurun 15 Hijrah, SMF (2012), MH (2012) dan MM (2012) mengakui bahawa sanad kepada penyusun kitab-kitab hadis misalnya sanad Sahih al-Bukhari bukan lagi bertujuan untuk menerima atau menolak kesahihan hadis-hadis al-Bukhari. Dalam konteks ini, pandangan partisipan adalah mirip dengan pendapat Ibn al-Salah (2003). Beliau berpendapat bahawa salasilah sanad kepada penyusun kitab-kitab hadis tidak lagi mempunyai tujuan asal sanad iaitu memastikan kesahihan riwayat tetapi hanya bagi mengekalkan persambungannya.

Perbandingan di antara kedua-dua pandangan di atas menunjukkan fungsi *sanad* yang semakin kurang selepas era riwayat, sama ada pada zaman Ibn Ṣalāḥ (2003) atau kini. Namun begitu partisipan berpendapat *sanad* kepada penyusun kitab masih dapat menunjukkan sama ada seseorang telah mempelajari sesebuah kitab seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* menerusi guru yang pernah mempelajarinya sebelum ini. Salasilah *sanad* tersebut dapat membezakan antara seseorang yang pernah belajar dengan seseorang yang tidak pernah belajar kitab ini secara berguru dan *bersanad*. Pengetahuan terhadap salasilah guru kepada guru sehingga sampai kepada penyusun kitab tersebut menjadikan proses belajar secara *bersanad* tidak putus. Justeru, ianya masih perlu dipraktikkan sehingga kini (Farhah Zaidar 2014).

Pandangan partisipan adalah sejajar dengan realiti yang berlaku dalam aplikasi TB seperti yang direkodkan oleh kebanyakan penyusun karya *al-thabat*. Al-Fullānī (1984) contohnya menyifatkan pengekalan kelangsungan salasilah *sanad* kepada Rasulullah S.A.W meskipun jauhnya jarak antara zaman generasi Islam kini dengan zaman baginda S.A.W merupakan perkara yang mengagumkan. Walaupun jarak umat hari ini dengan baginda S.A.W telah berlalu lebih 1400 tahun, namun susur galur pertalian mereka dengan baginda S.A.W masih tidak putus hingga ke hari ini. Susur galur atau rantaian tersebut dipelihara oleh para ulama. Mereka yang menyambungkannya kepada generasi berikut khususnya kepada para murid sebagaimana yang diaplikasikan oleh para partisipan. Berikutan itu, kelangsungan salasilah *sanad* mampu dikekalkan sehingga ke hari ini dengan fungsinya sebagai ikatan keilmuan antara seseorang guru dengan murid yang bersambungan sehingga sampai kepada Rasulullah S.A.W.

Justeru keprihatinan para partisipan mengaplikasikan TB bagi tujuan memelihara pengekalan salasilah *sanad* tersebut dilihat telah melaksanakan kewajipan yang sewajarnya dipikul oleh generasi kini khususnya dalam kalangan guru *al-musnid*. Apatah lagi usaha persambungan salasilah *sanad* antara generasi mutakhir dengan generasi terdahulu dianggap sebagai suatu tanggungjawab yang disuarakan secara majoriti. Justeru, kelebihan pengekalan *sanad* dan riwayat menerusi mekanisme TB adalah tidak dapat disangkal lagi. Pendapat ini pernah dikemukakan oleh Shaykh Muḥammad Ḩāfiẓ Awwāmah dalam al-Rashid (2009) sebagai pengiktirafan oleh beliau secara khusus terhadap sumbangan *al-musnid* kurun ke 14 Hijrah iaitu Muḥammad Zāhid al-Kawthārī dalam bidang riwayat dan *sanad*.

Selain itu, Yūsuf Ḩāfiẓ Abd al-Raḥmān al-Mar̄qashlī dalam Ibn Ḥajar al-Asqalānī (1982) turut menggesa para penuntut ilmu agar kembali membaca kitab di hadapan para ulama yang memiliki *sanad* yang bersambung sehingga sampai kepada penyusun kitab-kitab warisan muktabar dalam pengajian Islam. Ianya bertujuan agar mereka menjadi pembawa ilmu dan menyampaikannya kepada generasi hadapan. Jika tidak, *sanad* ini lambat laun akan terputus akibat pengabaian terhadap aspek ini. Kajian berpendapat proses persambungan salasilah *sanad* pada masa hadapan akan gagal direalisasikan jika tiada inisiatif daripada pihak-pihak tertentu dalam meneruskan aplikasi TB sebagaimana yang diusahakan oleh partisipan. Sementara itu, kenyataan ini juga menunjukkan bahawa menerusi

pendekatan TB, salasilah *sanad* masih boleh diwariskan secara bersambungan di antara generasi kini dengan generasi terdahulu.

### **3.0 IKATAN PERTALIAN SANAD DENGAN RASULULLAH DAN PEWARISNYA**

Pertalian dengan Rasulullah S.A.W dan pewarisnya merupakan antara faktor yang mendorong SMF (2012), MH (2012) dan MM (2012) mengaplikasikan persambungan *sanad* menerusi konsep TB. Ketiga-tiga partisipan berpendapat pertalian salasilah *sanad* sehingga kepada Rasulullah S.A.W menerusi perantaraan *Sahīh al-Bukhārī* merupakan satu kemuliaan, kebanggaan dan keberkatan. Kesemua perasaan ini dapat dirasai apabila nama seseorang diletakkan sebaris dengan nama-nama para ulama apatah lagi bersambungan salasilahnya hingga sampai kepada Rasulullah S.A.W. Malah partisipan menjelaskan, jika ini sahaja kelebihan tunggal bagi *sanad* pada masa kini maka ianya adalah memadai. Reaksi partisipan ini adalah refleksi pemikiran yang boleh ditemui dalam kalangan kebanyakan penyusun karya *al-thabat* sebagaimana yang dinukilkhan oleh al-Kattānī (1982) dalam *Fahras al-Fahāris wa al-Athbāt*. Nukilan tersebut menjelaskan adalah memadai bagi seseorang perawi yang namanya tersusun dalam sesuatu salasilah merasakannya sebagai satu kemuliaan, kelebihan dan kebijaksanaan, tentunya apabila ianya adalah sebaris dengan Rasulullah S.A.W dalam satu kertas. Reaksi ini bertepatan dengan fenomena membariskan nama secara bersalasilah sehingga kepada baginda S.A.W sebagaimana dalam karya *al-thabat*.

Selain itu, partisipan berpendapat ikatan persambungan menerusi salasilah *sanad* dan pengetahuan terhadap nama-nama yang terdapat padanya adalah penting. Terdapat partisipan iaitu MH yang menganggap pertalian tersebut adalah kekal sehingga kiamat. Manakala pengetahuan latar belakang mereka akan melahirkan rasa hormat dan meraih keberkatan menerusi ketakwaan dan kewarakaman mereka. Mereka dianggap sebagai 'bapa-bapa' dalam ilmu keagamaan. Kesemua kenyataan partisipan merangkumi dasar-dasar pemikiran tokoh seperti Imam al-Nawawi (2006) menerusi *Tahdhīb al-Asmā' wa al-Lughāt*. Beliau telah memberi lima justifikasi terhadap penghasilan karya biografi tersebut. Antaranya ialah kepentingan mengetahui nama-nama para guru yang dianggap sebagai hubungan 'kebapaan' dalam agama. Umat Islam memerlukan keberkatan mereka bagi kemaslahatan akhirat kelak. Oleh sebab itu, kegagalan mengenali dan mengetahui latar belakang mereka boleh dianggap sebagai satu kejelekan.

Menurut Usāmat al-Azhari (2011), dalam konteks yang lebih khusus iaitu mereka yang memiliki persambungan salasilah *sanad* adalah dianggap mempunyai pertalian dengan para 'bapa' dalam bidang ilmu dan riwayat. Hakikatnya kematian mereka telah memutuskan pertalian ini kecuali persambungan *sanad* yang menghubungkan generasi kini dengan kitab penulisan mereka. Dalam konteks kitab hadis, kemuncak salasilah *sanad* akan bertaut dengan Rasulullah S.A.W.

Seterusnya partisipan berpendapat bahawa perhubungan dengan ulama menerusi pertalian *sanad* yang bersambung adalah mencerminkan kebaikan dalam bersahabat dengan mereka. Ikatan persahabatan dengan mereka mendorong seseorang penuntut ilmu bertemu, belajar, *al-qirā'ah* dan mengambil *ijāzah* daripada mereka. Aspek ini menurut partisipan boleh dikaitkan dengan sabda Nabi S.A.W:

**الْمُنْزَهُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ قَلِيلُهُ أَحَدُكُمْ مَنْ يَخْالِلُ**

*Seseorang dikenali di atas agama rakannya. Maka hendaklah setiap kamu melihat siapakah yang menjadi rakan mereka.*

Hadis ini diriwayatkan oleh Abū Hurayrah r.a. dan merupakan hadis *ḥasan ghariib*. Lihat al-Tirmidhi, *Jāmi' al-Tirmidhi*, Kitāb al-zuhud, Bāb ḥadīth al-rajul ḥalā dīn khalīlīh, No Hadis 2378.

Dalam konteks kajian ini, persahabatan yang terjalin menerusi pertemuan dan perkumpulan dalam majlis ilmu diperkuuhkan lagi menerusi ikatan salasilah *sanad* di antara guru dengan murid. Menerusinya tersirat persamaan kecenderungan iaitu mendengar ilmu oleh pihak murid dan menyampai ilmu oleh pihak guru yang menjadi objektif pertemuan di antara mereka. Fenomena ini boleh dikenal pasti menerusi pengalaman aplikasi TB oleh seseorang penyusun karya *al-thabat* seperti al-Fullānī (1984). Selain itu, partisipan menyatakan terdapat keberkatan *sanad* dalam aspek penyebutan nama-nama yang terdapat dalam salasilah *sanad* tersebut. Hujah ini dilihat bersesuaian dengan aplikasi *pengijāzahan sanad* secara lisan dalam kalangan partisipan. Senarai nama salasilah ini memang disebut satu persatu ketika proses tersebut diaplikasikan. Partisipan mengaitkannya dengan kata-kata “ketika disebut nama orang-orang salih maka akan turun kerahmatan.”

Menurut Ibn al-Salāh (1986) perkataan di atas merupakan ucapan Abū Ja‘far Aḥmad bin Ḥamdan sebagai jawapan terhadap pertanyaan rakannya iaitu Ismā‘il bin Nujayd berkenaan apakah niat yang paling baik yang selayaknya dihayati oleh seseorang ketika menulis hadis. Beliau menjawab dengan katanya: “*Bukankah kamu semua selalu meriwayatkan bahawa ketika nama-nama orang-orang salih disebut maka akan turun kerahmatan? Mereka menjawab; ya. Lalu beliau menambah: Sedangkan Rasulullah S.A.W sudah tentu ketua bagi semua orang-orang salih tersebut.*” Ibn al-Salāh (1986) menukilkan kisah ini sebagai mewakili bentuk terbaik dalam merealisasikan keikhlasan niat bagi seseorang penuntut ilmu hadis. Sementara itu, ikhlas merupakan adab yang disarankan oleh hampir keseluruhan ahli hadis.

Oleh itu, partisipan kelihatan menyerlahkan aspek keikhlasan niat menerusi keinginan mengambil berkat terhadap *sanad* tersebut sekalipun hanya dengan menyebut nama yang terdapat padanya. Mereka beranggapan secara positif terhadap keadilan dan kesolehan para guru yang terdapat di dalam *sanad* tersebut sehingga sampai kepada Rasulullah S.A.W. Usāmat al-Azhārī (2011) menegaskan memang antara bentuk manfaat yang boleh diperolehi daripada salasilah *sanad* ialah keberkatan. Dengan kata lain mengambil keberkatan *sanad* bermaksud mengambil manfaat daripada keadilan dan kesalihan perawi sekalipun dengan hanya menyebut nama mereka. Ia merupakan contoh terbaik bagi keikhlasan niat seseorang penuntut ilmu hadis menurut Ibn al-Ṣalāh (1986).

Manakala keberkatan atau *al-barakah* merupakan satu topik yang bersifat kerohanian dan sejenis bentuk keikhlasan yang halus dalam Islam. Perkataan *al-barakah* digunakan hampir 130 tempat dalam hadis dan 32 ayat dalam al-Quran. Ini menunjukkan kedudukan *al-barakah* adalah penting dalam Islam. *Al-Barakah* secara bahasa mempunyai dua maksud iaitu kewujudan kebaikan secara pasti dan berkekalan serta kebaikan yang banyak dan sentiasa bertambah. Bentuk *al-barakah* terbahagi kepada aspek dunia dan akhirat. Ia juga boleh terbahagi kepada keberkatan secara zahir atau tersirat. Keberkatan teragung sama ada di dunia atau di akhirat ialah al-Quran, diikuti selepasnya ialah Rasulullah S.A.W. Punca dan sumber pemberi keberkatan adalah Allah S.W.T. Justeru sesuatu yang dinisbahkan kepada Allah S.W.T adalah berkat seperti kalam Allah (al-Quran), rumah Allah (Masjid al-Haram) dan lain-lain (Muhammad Maḥmūd Ḩabd al-Jawwar 2007).

Allah S.W.T berhak mengurniakan keberkatan kepada makhluk yang dikehendakinya seperti para nabi dan rasul, malaikat dan orang-orang salih. Orang salih dianggap berkat berdasarkan terdapat kebaikan yang berhasil daripada mereka sama ada di dunia atau di akhirat. Secara umum terdapat kebaikan yang dapat dimanfaatkan daripada mereka. Antaranya ialah pengajaran agama iaitu hukum hakam, pensyariatan dan adab. Ini merupakan tugas para ulama dalam kalangan orang yang salih. Mereka juga digelar sebagai pewaris para nabi. Manfaat ini menunjukkan keberkatan ulama. Ibn al-Qayyim menjelaskan bahawa sesuatu yang mendatangkan manfaat, ia adalah sesuatu yang diberkati, yang paling bermanfaat bererti yang paling diberkati dan yang diberkati dalam kalangan manusia adalah yang boleh diambil kemanfaatan daripadanya (Muhammad Maḥmūd Ḩabd al-Jawwar 2007).

Keseluruhan perbincangan menunjukkan dorongan untuk mengikat pertalian dengan Rasulullah S.A.W dan para pewaris baginda S.A.W menerusi aplikasi TB adalah refleksi pemikiran yang tidak asing dalam kalangan ulama. Peredaran masa menunjukkan kerangka pemikiran sebegini bukan sekadar disuarakan atau berlegar-legar di atas kertas tetapi telah diaplikasikan oleh ribuan *al-musnid* menerusi peninggalan karya *sanad* atau juga disebut *al-thabat*, yang merekodkan salasilah *sanad* menerusi guru masing-masing (al-Mar<sup>c</sup>ashlī 2002). Aplikasi TB secara meluas dilihat mencerminkan pendirian komuniti terhadap keutamaan mempunyai pertalian dengan Rasulullah S.A.W dan pewarisnya menerusi ikatan *sanad*. Sebagai contoh, pendirian ini turut boleh diamati menerusi pesanan <sup>c</sup>Abd al-Wahhāb al-Muttaqī kepada <sup>c</sup>Abd al-Haq bin Yusūf al-Dīn al-Dihlawī. Beliau berpesan sepatutnya sebagai ahli hadis, <sup>c</sup>Abd al-Haq bin Yusūf al-Dīn al-Dihlawī wajar memilih sekalipun satu *sanad* yang boleh mengikat pertalian dengan Rasulullah S.A.W dan mengharapkan keberkatan daripadanya di dunia mahupun akhirat. Berikut itu, <sup>c</sup>Abd al-Haq bin Yusūf al-Dīn al-Dihlawī membuat keputusan meriwayatkan satu *sanad* menerusi jalan Imam al-Bukhārī bermula daripada beliau sehingga sampai kepada Rasulullah S.A.W dan juga satu *sanad* menerusi jalan Imam Muslim (al-Kattānī 1982).

Malah faktor pertalian dengan Rasulullah S.A.W dan pewarisnya sebagai punca kelangsungan karya *al-thabat* terus dihasilkan hingga kini, dan ia turut dikenal pasti oleh sarjana barat seperti Brown (2009). Keupayaan yang serupa ditonjolkan oleh para partisipan menerusi tindakan mereka mengeluarkan salasilah nama para ulama melalui guru masing-masing sehingga sampai kepada Rasulullah S.A.W. Pada masa yang sama tindakan ini telah menterjemahkan bagaimana aplikasi TB dapat memainkan peranannya dalam memberi penghargaan kepada Rasulullah S.A.W dan pewarisnya.

Penghargaan diimplementasikan menerusi persambungan pertalian salasilah *sanad* sehingga sampai kepada baginda S.A.W dan pewarisnya oleh generasi demi generasi sehingga kini. Langkah penghargaan direalisasikan menerusi penyusunan nama sebaris dengan baginda S.A.W seperti yang dapat dilihat pada sijil *sanad Sahīh al-Bukhārī* para partisipan dan menyebutkan lisan nama-nama tersebut ketika proses pengijazahannya. Para partisipan melahirkan rasa kebanggaan dan mengharapkan keberkatan yang tersirat di sebalik aplikasi TB menerusi pelaksanaan kedua-dua langkah tersebut. Daripada satu sisi, kajian berpendapat perasaan kebanggaan dan keberkatan tersebut tidak mungkin tercetus kecuali berlandaskan pengetahuan tentang latar belakang para guru dalam salasilah *sanad* tersebut termasuk Rasulullah S.A.W (Farhah Zaidar 2014).

#### 4.0 TELADAN TRADISI AHLI ILMU

Faktor ingin meneladani tradisi pengajian yang telah dipraktikkan oleh ahli ilmu terdahulu merupakan dorongan para partisipan merealisasikan persambungan *sanad* menerusi konsep TB dengan menggunakan kitab *Sahīh al-Bukhārī*. Kebanyakan ulama mengambil ilmu dengan tradisi *bersanad* iaitu TB dan membukukan salasilah *sanad* tersebut dalam karya yang dikenali sebagai *al-thabat* (*Mawṣū‘ah ‘ulūm al-hadīth*, 2007). Partisipan mengemukakan ucapan berikut sebagai menonjolkan dorongan aplikasi TB dalam konteks ini.

التشبه بالكرام الفلاح

*Mengikuti langkah mereka yang mulia merupakan satu kejayaan*

Ucapan seterusnya ialah seperti berikut.

فتشربوا إن لم تكونوا مثلكم إن التشبه بالرجال فلاح

*Hendaklah kamu mencontohi mereka sekalipun kamu tidaklah seperti mereka. Ini adalah kerana mencontohi para rijāl yang mulia itu merupakan satu kejayaan.*

Kata-kata di atas kerap dikemukakan oleh seseorang penyusun karya *al-thabat*. Kebanyakan daripada mereka meletakan kewajaran menghasilkan karya *al-thabat* adalah sebagai langkah mencontohi praktis ahli ilmu terdahulu dengan bersandarkan kata-kata tersebut. Sebagai contoh, al-Fullānī (1984) dan al-Turmusī (1987) menukilkhan kata-kata seperti di atas dengan alasan yang serupa dalam karya *al-thabat* masing-masing. MH (2012) dan SMF (2012) selanjutnya berpendapat tradisi ini sebagai sesuatu yang mulia. Para ulama bertanggungjawab mengaplikasikannya serta kemudiannya mencatatkan salasilah nama-nama dalam karya *al-thabat* agar tidak lenyap ditelan zaman. SMF (2012) seterusnya menegaskan bahawa pengambilan ilmu daripada ulama dengan jalan *talaqqī* iaitu berguru dengan menyatakan kaedah pengambilan seperti *qirā'ah* atau *samā'* dan *ijāzah* sebagaimana yang tercatat dalam karya *al-thabat*, mencerminkan sikap adil dan *dābiṭ* seseorang ulama. Ini adalah kerana mereka bersikap berterus terang dan teliti dalam mendedahkan kaedah serta sumber periwayatan ilmu masing-masing.

Fenomena di atas menurut SMF (2012) juga melambangkan bahawa sesuatu ilmu menurut tradisinya diambil dengan perantara. Ianya seperti Rasulullah S.A.W menerima wahyu daripada Allah S.W.T menerusi perantaraan Jibril dan begitu juga seterusnya antara generasi demi generasi. Ini menunjukkan tradisi pengambilan ilmu Islam yang tidak dapat disisihkan daripada memerlukan sesuatu perantara antara satu sumber dengan satu sumber yang lain. Langkah ini pada dasarnya menurut Usāmat al-Azhārī (2011) adalah mengikuti tradisi ahli hadis daripada aspek pengetahuan latar belakang *rijāl* dan periwayatan. Perkara ini dapat dilihat menerusi *sanad* kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

SMF (2012) dan MM (2012) berpendapat, sekalipun selepas pembukuan kitab hadis telah selesai, ahli ilmu seperti Ibn Ḥajar al-<sup>c</sup>Asqalānī (1992) masih mengaplikasi TB terhadap kitab seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Ianya boleh dirujuk dalam kitab *al-thabat* beliau. Begitu juga keprihatinan ulama Deoband yang menulis *sanad-sanad* mereka menerusi para guru sehingga sampai kepada Rasulullah S.A.W. Penulisan salasilah dalam karya *sanad* seperti yang dilakukan oleh Ibn Ḥajar al-<sup>c</sup>Asqalānī (1992) dan juga para ulama Deoband mencerminkan sikap bertanggungjawab ahli ilmu berkenaan agar salasilah tersebut kekal direkodkan. Bukti *sanad Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* para partisipan adalah tidak gagal untuk ditelusuri sehingga sampai kepada penyusun kerana nama-nama tersebut tercatat dalam karya *al-thabat* tokoh terbabit.

Kajian mendapati faktor meneladani tradisi pengajian ahli ilmu dalam konteks aplikasi TB sebagaimana yang dilontarkan oleh para partisipan bukan merupakan alasan yang baru. Contohnya ulama Deoband iaitu Shāh Waliyy Allāh al-Dīhlawī ketika pada zamannya pernah menyuarakan hasrat yang sama menerusi komentar terhadap objektif beliau menulis karya *al-thabatal-Irshād ilā Mūhīmmāt ‘Ilm al-Isnād*. Beliau menjelaskan bahawa karya tersebut disusun bagi memenuhi keperluan zaman kerana ianya mulai dipinggirkkan serta hampir dipermainkan oleh golongan yang tidak mempunyai pengetahuan terhadap ilmu ini (al-Kattani 1982). Keprihatinan Shāh Waliyy Allāh al-Dīhlawī merekodkan salasilah *sanad* tersebut menjadikan beliau merupakan perantara utama dalam menyambung titik persambungan *sanad* ilmuwan India sehingga kepada penyusun *al-kutub al-sittah* (al-Barnī 1988). Ianya turut boleh dilihat dalam salasilah *sanad* MH dan MM. Dalam hal ini, Shāh Waliyy Allāh al-Dīhlawī secara realitinya telah menyempurnakan tanggungjawab agar salasilah *sanad* hadis benua India masih dapat disambungkan sehingga sampai kepada Rasulullah S.A.W.

Peranan yang sama turut dimainkan oleh Ibn Ḥajar al-<sup>c</sup>Asqalānī. Salasilah *sanad Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* beliau yang direkodkan dalam karya *al-thabat Majma' al-Mu'assis* merupakan penghubung utama yang menyampaikan *sanad* kepada penyusun kitab tersebut. Ianya turut boleh dilihat dalam salasilah *sanad* SMF (2012), MH (2012) dan MM (2012). Justeru dalam hal ini, para partisipan didapati ingin meneruskan langkah yang sama sebagaimana Ibn Ḥajar al-<sup>c</sup>Asqalānī dan Shāh Waliyy Allāh al-Dīhlawī merealisasikan TB pada zaman mereka dan mencatatkannya menerusi karya *sanad* atau *al-thabat* masing-masing. Cuma perbezaannya dalam konteks kajian, para partisipan mengambil inisiatif mengeluarkan *sanad* tersebut dalam bentuk dokumen sijil selepas TB terhadap *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

selesai diaplikasikan. Ianya dilakukan sememangnya bertujuan meneladani tradisi ahli ilmu berkenaan.

Faktor meneladani tradisi ahli ilmu sebagaimana yang disuarakan oleh partisipan juga didapati menepati langkah yang diaplikasikan oleh kebanyakan penyusun karya syarah atau karya ringkasan kepada *al-kutub al-sittah*. Contohnya al-Nawawi (2003), Badr al-Din al-‘Aynī (2001), al-Mubārakfūri (2001) dan al-Zabidi (2007). Mereka didapati tidak meminggirkan *sanad* kitab yang disyarahkan atau yang diringkaskan tersebut. Masing-masing merekodkan *sanad* sama ada yang diperoleh dengan metode *al-samā‘*, *al-qirā‘ah* atau *al-ijāzah* dalam mukadimah karya syarah atau karya ringkasan tersebut. Penemuan catatan *sanad* dalam kalangan ilmuwan di atas menunjukkan faktor dorongan iaitu meneladani tradisi ahli ilmu adalah semakin bertambah relevan.

## 5.0 PENJAGAAN SANAD ‘ĀLĪ

Menurut para partisipan, persambungan *sanad* yang merupakan tujuan disebalik aplikasi TB juga boleh menjaga *sanad* ‘ālī. Pendapat SMF (2012) menunjukkan memiliki *sanad* ‘ālī merupakan satu tradisi yang didokong oleh para ulama. Ini adalah kerana *sanad* ‘ālī lebih mendekatkan pemiliknya dengan kurun Rasulullah S.A.W. Alasan ini boleh dilihat menerusi komentar ulama yang dikemukakan oleh beliau. Muḥammad bin Aslām al-Ṭūsī berkata: “*Hampirnya sesuatu sanad menunjukkan hampirnya seseorang kepada Allah S.W.T*” (al-Khatib al-Bagdadi 2008). Imam Ahmad bin Ḥanbal berkata: “*Mencari hadis bersanad tinggi merupakan sunnah*” dan beliau juga berkata: “*Mencari hadis bersanad tinggi merupakan sunnah orang terdahulu*” (al-Khatib al-Bagdadi 2008). Ḥākim al-Naysabūri (1977) berkata: “*Mencari hadis bersanad tinggi adalah sunnah yang sahih.*”

Ibn al-Ṣalāḥ (1986) melontarkan pandangan bahawa sinonim dengan pentakrifan *sanad* ‘ālī iaitu senarai perawi yang semakin kurang dengan Rasulullah S.A.W menjadikan *sanad* jenis ini dipandang bernilai tinggi. Ini adalah kerana ianya lebih mendekatkan perawi dengan baginda S.A.W. Manakala kedekatan dengan baginda S.A.W pula turut membawa penghampiran kepada Allah S.W.T. Al-Nahrawāni sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Kattānī (1982) mengulas bahawa kelebihan seperti di atas merupakan sesuatu yang amat mulia yang boleh didapati oleh seseorang perawi. Oleh sebab itu, pencarian *sanad* ‘ālī merupakan satu tradisi yang didokong oleh para ulama. Ianya merupakan suatu kebiasaan dalam kalangan mereka untuk berusaha memperolehinya menerusi TB sebagaimana respon yang sama yang diutarakan oleh SMF (2012).

Seterusnya, perbezaan jumlah *rijāl* boleh menentukan sesuatu *sanad* sama ada ‘ālī atau *nāzil* dalam pelbagai situasi perbandingan. Aspek ini melahirkan pengetahuan terhadap ketinggian dan kerendahan bilangan sesuatu salasilah *sanad*. Oleh sebab itu, kebanyakan ahli hadis seperti Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1999) mentakrifkan *sanad* ‘ālī sebagai sedikitnya bilangan sesuatu *rijāl* *sanad* apabila dinisbahkan dengan sesuatu *sanad* yang lain yang bilangan *rijālnya* lebih banyak daripada *sanad* yang dibandingkan tadi. Lawannya ialah *sanad nāzil*. Secara umum, Ibn al-Ṣalāḥ (1986) menegaskan bahawa sesuatu *sanad* tidak akan dikatakan sebagai *sanad nāzil* kecuali pada masa yang sama ditemui *sanad* yang lebih tinggi sebagai bandingannya iaitu *sanad* ‘ālī.

Berdasarkan pentakrifan sebelum ini, *sanad Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* MM (2012) dan MH (2012) dapat dikenal pasti sebagai *sanad nāzil* berbanding dengan *sanad Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang dikeluarkan oleh SMF (2012). Ini adalah kerana jumlah *rijāl sanad Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* MH (2012) dan MM (2012) iaitu 24 orang didapati lebih banyak bilangannya berbanding dengan jumlah *rijāl sanad Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* SMF (2012) iaitu 20 orang. Sebaliknya, dalam situasi ini, *sanad Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* SMF (2012) dapat dikenal pasti sebagai *sanad* ‘ālī. Perbandingan ini menepati jenis *sanad* ‘ālī kepada penyusun *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim* dan lain-lain kitab hadis yang muktabar (Ibn al-Ṣalāḥ 1986).

Selain itu, ketinggian *sanad Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* bagi ketiga-tiga partisipan juga boleh dikenal pasti menerusi perbandingan dalam konteks hadis *thuluthīyyāt* dan dalam konteks lebih awal mendengar

atau akhir daripada guru yang sama. Perbandingan dalam kedua-dua konteks tersebut adalah termasuk dalam jenis *sanad ḥālī* yang dikategorikan oleh Ibn al-Ṣalāḥ (1986). Hadis *thuluthīyyāt* adalah daripada jenis *al-‘ulūww* (ketinggian) kepada Rasulullah S.A.W dengan bilangan yang sedikit antara seseorang ahli hadis dengan baginda S.A.W. Ia juga disebut ‘ulūww al-mutlaq (ketinggian yang mutlak) serta merupakan jenis *sanad ḥālī* yang terbaik dengan syarat *isnādnya* sahih dan terhindar daripada perawi lemah.

Nūr al-Dīn Ḥitr menjelaskan bahawa ulama memberi komitmen mengumpul *sanad ḥālī* jenis ini dengan mengumpul dan membukukan hadis-hadis *thuluthīyyāt* tokoh-tokoh hadis terkenal seperti Imam al-Bukhārī dan lain-lain (Ibn al-Ṣalāḥ, 1986). Maksud *thuluthīyyāt* al-Bukhārī ialah hadis-hadis yang mempunyai bilangan *rijāl* di antara Imam al-Bukhārī dan Rasulullah S.A.W seramai tiga orang. Ia merupakan hadis yang paling tinggi *sanadnya* berbanding lain-lain hadis yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (al-Ghawrī, 2007). Sehubungan dengan itu, jadual 1.1. memaparkan perbandingan kedua-dua salasilah tersebut dalam konteks perbincangan ini.

Bertitik tolak daripada *thuluthīyyāt* al-Bukhārī, maksud penjagaan *sanad ḥālī* bagi tujuan mendekatkan diri dengan kurun Rasulullah S.A.W adalah semakin jelas. Contohnya 20 *rijāl* antara SMF (2012) dengan Imam al-Bukhārī akan bertambah kepada 24 *rijāl* antara beliau dengan Rasulullah S.A.W menerusi *sanad* hadis *thuluthīyyāt* al-Bukhārī. Perbandingan dalam konteks ini menunjukkan *sanad* beliau akan semakin panjang jika digandingkan dengan hadis Imam al-Bukhārī yang bukan daripada jenis *thuluthīyyāt*. Semakin panjang sesuatu *sanad* pula bererti semakin jauh daripada Rasulullah S.A.W dan ianya dikenali sebagai *sanad nāzil*.

Daripada satu sudut lain, *sanad Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ketiga-tiga partisipan masih berpotensi menjaga *sanad ḥālī* dalam konteks mereka dengan murid kelak. Dengan erti kata lain, murid yang menjadi perantara *sanad* dengan mereka boleh menjadi yang terawal mendengar daripada mereka berbanding murid mereka yang datang kemudian. Ianya mirip dengan sejenis *sanad ḥālī* yang dikemukakan oleh Ibn al-Ṣalāḥ (1986) iaitu ‘ulūww (ketinggian) dalam konteks mendengar terlebih dahulu daripada seseorang guru merupakan lebih tinggi daripada murid yang mendengar kemudian daripada guru yang sama meskipun bilangan *rijāl sanad* kedua-dua murid dengan guru adalah sama.

*Jadual 1.1 Sanad ḥālī SMF dan sanad nāzil MH & MM bagi kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

Bil. Rijāl <i>Sanad Nāzil</i>	<i>Sanad Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	Bil. Rijāl <i>Sanad ḥālī</i>
24	<b>Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhārī</b> (m.256H)	
23	Abū Abd Allāh Muḥammad bin Yusūf al-Firabī (m.320H)	20
22	Abū Muḥammad Ḥabīb bin Ḥamawīyyah (m.381H)	19
21	‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad bin al-Muzaffar al-Dāwūdī (m.467H)	18
20	Abū al-Waqṭ Ḥabīb al-Awwal bin Ḫasan al-Sajāzī (m.553H)	17
19	Al-Sirāj al-Ḥussayn bin al-Mubārak al-Zabīdī (m.631H)	16
18	Abī al-‘Abbās Aḥmad bin Abī Tālib al-Ḥajjār (m.730H)	15
17	Al-Burhān Ibrāhīm al-Tanūkhī (m.800H)	14
16	<b>Al-Ḥāfiẓ Ibnu Hajar al-Asqalānī</b> (m.852H)	13
15	Shaykh al-Islām Zakariyyā al-Anṣārī (m.926H)	12
14	Muḥammad bin Aḥmad bin Ḥamzat al-Ramlī (m.1004H)	11
13	Al-Shaykh Aḥmad bin Ḥabīb al-Qushāshī (m.1028H)	10
12	Al-Shaykh Ibrāhīm al-Kurdī al-Madāni (m.1111H)	9
	Al-Najm al-Ghayṭī (m.984H)	8
	Abī al-Najā Sālim bin Muḥammad al-Sanhuri (m.1015H)	
	Al-‘Alā’ al-Bābilī (m.1077H)	
	‘Abd Allāh bin Sālim al-Baṣrī al-Makkī (m.1134H)	

11	Al-Shaykh AbūTāhir Muḥammad bin Ibrāhīm al-Kurdī al-Madani (m.1145H)	Al-Shihābayni Aḥmad bin Ḩabd al-Fattāḥ al-Mullāwī (m.1181H)	7
10	Waliyy Allāh al-Dihlawī (m.1174H)	Thuṣaylib bin Sālim al-Fishanī (m.1239H)	6
9	Al-Shaykh al-Shāh Ḩabd al-Ḥazīz al-Dihlawī (m.1239H)	Bapanya al-Burhān al-Saqā(m.1298H)	5
8	Al-Shaykh Abū Sulaymān Muḥammad Ishāq al-Dihlawī (m.1271H)	Khaṭīb al-Azhār Muḥammad Imām al-Saqā (m.1354H)	4
7	Ḥabd al-Ghanīyy al-Mujaddidī (m.1296H)	ḤUmar bin Ḥamdan al-Maḥrasī(m.1368H)	3
5&6	Al-Shaykh Muḥammad Qāsim al-Nānūtuwī (m.1297) & al-Shaykh Rashīd Aḥmad al-Kankuhī (m.1323H)	Muḥammad Yāsīn bin ḨIsā al-Fādānī (m.1412H)	2
4	Al-Shaykh Maḥmūd Ḥasan al-Deobandī (m.1339H)	Maḥmūd Saṣīd Muḥammad Mamdūh	1
3	Anwār Shāh al-Kashmirī (m.1352H)		
		<b>SMF</b>	
2	Ḥabd al-Khāliq	Yusūf al-Binnūrī (m.1397H)	
1	Muḥammad Zarīf	Muḥammad Zarwalī Khan	
<b>Jumlah</b>	<b>MH</b>	<b>MM</b>	
	<b>24</b>	<b>24</b>	<b>20</b>
			<b>20</b>

Dalam konteks yang lebih khusus, seseorang adalah dikatakan pemegang *sanad ḫālī* apabila kematiannya akan menurunkan salasilah *sanad* kepada satu kurun. Individu ini merupakan pemegang tunggal dan terakhir sesuatu riwayat pada masa akhir hayatnya kerana umurnya yang panjang. Setelah kewafatannya jalinan periyawatan bertambah kepada muridnya. Rumusan ini berdasarkan penemuan sejumlah contoh perawi sebagaimana kondisi di atas yang direkodkan dalam pelbagai karya *thabat* oleh Usāmat al-Azhārī (2011). Antara nukilan beliau ialah perawi yang bernama ḪAishah binti Muḥammad bin Ḩabd al-Hādī yang dicatatkan oleh Ibn Ḥajar al-Asqalānī dalam *al-Majma’ al-Mu’assis* sebagai perawi yang berumur panjang sehingga beliau masih hidup pada zaman yang tiada seorang di dunia ketika itu pernah mendengar hadis daripada gurunya yang bernama Aḥmad al-Ṣāliḥī al-Ḥajjār melainkan ḪAishah binti Muḥammad bin Ḩabd al-Hādī seorang sahaja. Oleh itu, Ibn Ḥajar al-Asqalānī menyifatkan ḪAishah binti Muḥammad bin Ḩabd al-Hādī sebagai perawi terakhir yang meriwayatkan ilmu secara *al-samā’* dan *al-iżāzah* daripada gurunya; Aḥmad al-Ṣāliḥī al-Ḥajjār tersebut. Justeru, kewafatan ḪAishah binti Muḥammad bin Ḩabd al-Hādī telah menurunkan periyawatan salasilah *sanad* kepada Aḥmad al-Ṣāliḥī al-Ḥajjār kepada satu kurun (Usāmat al-Azhārī 2011).

Keseluruhan perbincangan menunjukkan sesuatu *sanad* sama ada *ḥālī* atau *nāzil* dalam apa jua konteks perbandingan seperti di atas tidak akan dapat dikenal pasti kecuali setelah TB diaplikasi secara berterusan tanpa tertakluk kepada mana-mana kurun. Keterangan ini dapat menjelaskan kerelevan kenyataan umum partisipan mahupun ilmuwan lain seperti Shaykh Muḥammad Ḩawwāmah bahawa aplikasi TB berpotensi menjaga *sanad ḫālī* (al-Rashid 2009). Contoh-contoh kondisi yang dirujuk sebelum ini, menunjukkan aplikasi TB secara konsisten adalah menjurus kepada kelangsungan *sanad ḫālī* yang sentiasa wujud dalam pelbagai situasi perbandingan. Manakala pencarian *sanad ḫālī* bertujuan untuk lebih mendekatkan perawi dengan baginda S.A.W yang turut membawa penghampiran kepada Allah S.W.T adalah merupakan satu kemuliaan yang boleh dicapai oleh seseorang perawi. Kemuliaan ini menjadikan *sanad ḫālī* sentiasa relevan pada mana-mana kurun (Farhah Zaidar 2014).

## 6.0 KESIMPULAN

Analisis kualitatif mendapati pengekalan salasilah *sanad*, ikatan pertalian *sanad* dengan Rasulullah S.A.W dan pewarisnya, teladan daripada tradisi ahli ilmu dan penjagaan kelangsungan *sanad* ‘ālī merupakan empat faktor yang mendorong para partisipan merealisasikan tujuan konsep TB iaitu persambungan salasilah *sanad* kepada kitab-kitab hadis seperti *Šaḥīḥ al-Bukhārī*. Analisis kualitatif juga mendapati keempat-empat faktor dorongan tersebut adalah merupakan refleksi pemikiran yang relevan dalam konteks pengajian hadis. Ini adalah kerana persambungan salasilah *sanad* menerusi faktor-faktor dorongan tersebut juga merupakan dasar-dasar pemikiran yang ditemui terangkum dalam penulisan mahupun tindakan tokoh-tokoh hadis seperti yang telah diperbincangkan. Dengan erti kata lain, respon yang dilontarkan oleh partisipan sebenarnya mempunyai sandaran yang ketara dalam konteks pengajian hadis dan sumbernya. Manakala daripada satu sudut yang lain, kesemua faktor yang dicetuskan juga mencerminkan fungsi *sanad* kitab hadis pada masa kini yang perlu diteruskan kelangsungannya menerusi aplikasi TB.

## Rujukan

- ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. (1992). *Al-Isnād min al-Dīn*. Beirut: Dār al-Qalam.
- ‘Abd al-Jawwar, Muḥammad Maḥmūd. (2007). *Al-Barakah Asbābuḥ Makānuḥ Ṭuruq Jalabih*. Iskandariah: Dār al-Īmān.
- al-‘Aynī, Badr al-Din Abī Muḥammad Maḥmud bin Aḥmad. (2001). *‘Umdat al-Qāri Sharḥ Šaḥīḥ al-Bukhārī*. Taḥqīq: ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Amar. Jil. 1. Beirut:Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Azhārī, Usāmat al-Sayyid Maḥmūd. (2011). *Asānīd al-Miṣriyyīn*.t.tp.:Dār al-Faqīh.
- Al-Rashīd, Muḥammad bin ‘Abd Allāh. (2009).*Zāhid al-Kawthārī wa Ishāmātuh fī Ilm al-Riwayah wa al-asānīd*. t.pt.: t.pt.
- al-Barnī, ‘Āshiq al-Ilāhī. (1988). *Al-‘Anāqīd al-Ghālīyyah min al-Asānīd al-‘Āliyyah*. Deoband: Maktabah Deoband.
- Bucaile, M. (t.th).*Al-Tawrah wa al-Anājil wa al-Qur'an al-Karīm bi Miqdas al-‘Ilm al-Hadīth*. Terj.,‘Alī al-Ghawrī. Kaherah: Maktabat al-Qur'an.
- Brown, J.A.C. (2009). *Hadith Muhammad's Legacy in the Medieval and Modern world*. Oxford: Oneworld Publications.
- al-Fullānī, Imām Ṣāliḥ bin Muḥammad. (1984). *Qatf al-Thamar fī Raf‘ Asānīd al-Muṣannafāt fī al-Funūn wa al-Athār*. Taḥqīq: ‘Āmir Ḥasan Ṣabrī. Jeddah: Dār al-Shurūq.
- al-Ghawrī, Sayyid ‘Abd al-Mājid. (2007). *Mu‘jam al-Muṣṭalahāt al-Hadīthīyyah*. Dimashq: Dār Ibn Kathīr.
- al-Ḥākim al-Naysabūrī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Abd Allah. (1977). *Ma‘rifah ‘Ulūm al-Hadīth*. Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī. (1999). *Nuzhat al-Naẓar fī Tawdīkh Nukhbāt al-Fikar fī Muṣṭalah Ahl al-Athār*. Taḥqīq: ‘Abd al-Samī‘ al-Anīs dan ‘Īṣām Fāris al-Harastānī. Jordan: Dār ‘Ammār.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī. (1992). *Al-Majma‘ al-Mu’assis li al-Mu‘jam al-Mufahris*. Taḥqīq: Yūsuf ‘Abd al-Rahman al-Mar‘ashlī. Jil. 1. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Ibn al-Ṣolāḥ, Abū ‘Amr ‘Uthmān bin ‘Abd al-Rahman al-Shaharzūrī. (2003). *Šiyānah Šaḥīḥ Muslim min al-Ikhlāl wa al-Ghalāt wa Ḥimāyatuh min al-Isqāt wa al-Saqāt*. Taḥqīq: Farīd ‘Abd al-‘Azīz al-Jundi. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Ṣolāḥ, Abū ‘Amr ‘Uthmān bin ‘Abd al-Rahman al-Shaharzūrī.(1986). *‘Ulūm al-Hadīth*. Taḥqīq: Nūr al-Dīn ‘Itr. Damshiq: Dār al-Fikr.

- al-Kattānī, ʻAbd al-Ḥayy bin ʻAbd al-Kabīr. (1982). *Fahras al-Fahāris wa al-Athbāt wa Muʻjam al-Maʻājim wa al-Mashyakhāt wa al-Musalsalāt*. Taḥqīq: Iḥsān ʻAbbās. Jil.1 & 3. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmiyyah.
- al-Khatīb al-Bagdādī, Abū Bakr Aḥmad bin ʻAlī. (2008). *Al-Jāmiʻ li Akhlāq al-Rāwī wa Adāb al-Sāmiʻ*. Taḥqīq: Muḥammad Raʼfat al-Sāfi. Jumhuriyyah Miṣr al-ʻArabiyyah: Dār al-Wafā'.
- al-Laknawī, Muḥammad ʻAbd al-Ḥayy. (1994). *Al-Ajwibah al-Fādilah li al-Asʼilah al-ʻAsharah al-Kāmilah*. Ḥalab: Maktab al-Maṭbuʻat al-Islāmiyyah.
- al-Mar̄ashlī, Yūsuf ʻAbd al-Rahmān. (2002). *Muʻjam al-Maʻājim wa al-Mashyakhāt wa al-Fahāris wa al-Barāmij wa al-Athbāt*. 4 Jil. Riyāḍ: Maktabat al-Rushd.
- Marohaini Yusoff. (2004). Pertimbangan kritikal dalam pelaksanaan kajian kes secara kualitatif. Dlm. Marohaini Yusuff (pnyt.). *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, hlm. 37. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mawsūʻah ʻUlūm al-Ḥadīth*. (2007). Kaherah: Wizārat al-Awqāf al-Majlis al-ʻAʻlā li al-Shuʻūni al-Islāmiyyah
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Inc.
- al-Mubārakfūrī, Muḥammad ʻAbd al-Raḥmān ibn ʻAbd al-Raḥīm. (2001). *Tuhfat al-Āhwadhi bi Sharḥ Jāmiʻ al-Tirmidhi*. Jil. 7. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Muhammad Mustafa Azami. (2005). *Sejarah Teks al-Quran dari Wahyu Sampai Kompilasi: Kajian Perbandingan dengan Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru*. Terj. Sohirin Solihin, Anis Malik Thaha, Ugi Suharto dan Lili Yul Yadi. Jakarta: Gema Insani Press.
- al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf. (2006). *Tahdhīb al-Ssmāʼ wa al-Lughāt*. Taḥqīq: ʻAbduh ʻAli Kawshak. Jil. 1. Damshiq: Dār al-Faihā'.
- al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf. (2003). *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*. Taḥqīq: Muḥammad Fuad ʻAbd al-Bāqī. Jil. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Qaṣṭallānī, Aḥmad bin Muḥammad. (1991). *Al-Mawāhib al-Ladunīyyah bi al-Minaḥ al-Muhammadiyyah*. Taḥqīq: Ṣāliḥ Aḥmad al-Shāmiyyah. Jil. 2. Beirut: al-Maktab al-Islāmiyyah.
- al-Shaqāwī, Muḥammad ʻAbd Allah. (2000). *Buhūth fī Muqāranat al-Adyān*. Kaherah: Dār al-Fikr al-ʻArabiyyah.
- al-Turmuṣī, Muḥammad Maḥfūz bin ʻAbd Āllah. (1987). *Kifāyat al-Mustafid limā alā min al-Asānīd*. Taḥqīq: Muḥammad bin ʻIsā al-Fadānī. Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramlī. (2014.) *Faktor-faktor Dorongan Aplikasi Talaqqi Bersanad (TB) dan Keperluannya dalam Pengajian Hadis Di Malaysia*. Tesis Ph.D. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- MH.(2012). Temu bual pada 27 Februari 2012 dan 16 Oktober 2012. Kuala Lumpur: Bandar Baru Sri Petaling.
- MM. (2012). Temu bual pada 10 Mac 2012. Kuala Lumpur: Bandar Baru Sri Petaling.
- SMF.(2012). Temu bual pada 20 Februari 2012 dan 26 April 2012. Selangor: Ampang.
- al-Tirmidhī. (t.th.) *Jāmiʻ al-Tirmidhī*. Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzīʻ.
- al-Zabīdī, Zayn al-Dīn Aḥmad bin Aḥmad bin ʻAbd al-Laṭīf. (2007). *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Maʻrifah.